

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN BELIA DAN Sukan
NEGERI KELANTAN

Oleh

HASLINDAWATI BT AB. HALIM
Sarjana Muda Pengurusan (Poliisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100045438

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)



LI 20 FPE 1 2005



1100045438

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Belia dan Sukan Neg
Kelantan / Haslindawati Ab. Halim.

PERPUSTAKAAN

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI KELANTAN**

OLEH :

**HASLINDAWATI BT AB. HALIM
SARJANA MUDA PENGURUSAN (POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

Laporan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

2005

1100045438

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya, **Haslindawati bt Ab. Halim**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laopran ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Haslindawati binti Ab. Halim

Tarikh : 20 NOVEMBER 2005

Disahkan Oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

ISI KANDUNGAN

| TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------------------------|-------------------|
| Pengesahan Keaslian Laporan | i |
| Isi Kandungan | ii |
| Penghargaan | vi |
| Senarai Singkatan | vii |
| Senarai Lampiran | viii |
| Ringkasan Eksekutif | ix |

BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI

| | |
|---|---|
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Sejarah Perkembangan Jabatan Belia | |
| Dan Sukan Negeri Kelantan | 2 |
| 1.3 Struktur Organisasi Jabatan Belia dan Sukan | |
| Negeri Kelantan | 4 |
| 1.4 Objektif dan Matlamat Jabatan Belia dan Sukan | |
| Negeri Kelantan | 5 |
| 1.5 Piagam Pelangan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan | 6 |
| 1.6 Visi dan Misi Jabatan Belia dan Sukan | |
| Negeri Kelantan | 9 |

| | |
|--|-----------|
| 1.7 Fungsi dan Peranan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan | |
| 1.7.1 Pengenalan | 10 |
| 1.7.2 Perkembangan Organisasi | 11 |
| 1.7.3 Bahagian / Unit / Jabatan Latihan Amali | 14 |
| 1.8 Aktiviti Organisasasi | |
| 1.8.1 Pengenalan | 25 |
| 18.2 Dasar dan Program Belia | 25 |
| 18.3 Program yang telah dijalankan | 28 |
| 18.4 Majlis Perundingan Belia Daerah | 32 |
| 18.5 Program Pembangunan Diri | 35 |
| 18.6 Jadual Aktiviti/ Kegiatan di JBSNK | 37 |
| 1.9 Analisis Kemahiran Yang Dipelajari | 40 |
| 1.9.1 Pengurusan dan Pentadbiran | 40 |
| 1.9.2 Bahagian Pembangunan Ekonomi | 41 |
| 19.3 Kemahiran Komunikasi | 42 |
| 19.4 Pengetahuan dan Pengalaman dalam Mengendalikan Program | 43 |

BAB 2: PENGENALPASTIAN SISTEM SEDIA ADA DAN MASALAH DALAM**ORGANISASI**

| | |
|--|-----------|
| 2.1 Pengenalan | 44 |
| 2.2 Mengesan Sistem Sedia Ada | 45 |
| 2.2.1 Sistem Perakam Waktu | 45 |
| 2.2.2 Sistem SPEKS | 46 |
| 2.2.3 Sistem Fail | 46 |
| 2.2.4 Sistem Susunan Fail | 46 |
| 2.2.5 Sistem SISPENS (Sistem Pengurusan Personel Pejabat) | 47 |
| 2.2.6 Latihan/ Motivasi/ Kemudahan Lain | 47 |
| 2.3 Mengenalpasti Masalah | 48 |
| 2.3.1 Tabung Ekonomi Belia | 49 |
| 2.3.2 Kurang Motivasi kerja | 51 |
| 2.3.3 Kurang Tanggungjawab Terhadap Tugas | 52 |
| 2.3.4 Penguasaan Ilmu Teknologi Maklumat | 53 |
| 2.3.5 Kelemahan Kemahiran Diri (Interpersonal Skill) | 54 |
| 2.3.6 Masalah Kad Perakam Waktu | 55 |
| 2.4 Analisa Masalah dan Perbincangan Keseluruhan Penemuan | 56 |
| 2.5 Cadangan Penyelesaian Masalah | 58 |
| 2.5.1 Penggunaan Sistem Komputer Secara Menyeluruh | 58 |
| 2.5.2 Penurunan Kuasa | 59 |

| | |
|---|----|
| 2.5.3 Kelengkapan Peralatan/ Logistik | 59 |
| 2.5.4 Kesedaran Masyarakat (Golongan Belia) Tentang | |
| Kewujudan Peraturan Belia | 60 |
| 2.5.5 Penerapan Hubungan Yang Baik Dalam Pejabat | 60 |
| 2.5.6 Belia Harus Belajar Memimpin | 61 |
| 2.6 Analisis SWOT Terhadap Organisasi | |
| 2.6.1 Analisis Kekuatan (<i>STRENGTH</i>) | 64 |
| 2.6.2 Analisis Kelemahan (<i>WEAKNESSES</i>) | 65 |
| 2.6.3 Analisis Peluang (<i>OPPORTUNITY</i>) | 66 |
| 2.6.4 Analisis Ancaman (<i>THREAT</i>) | 68 |
| BAB 3 : PELAKSANAAN CADANGAN DAN IMPLIKASI | 69 |
| BAB 4 : KESIMPULAN | 72 |
| BIBLIOGRAFI | 75 |
| LAMPIRAN | 77 |

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kehadrat llahi kerana dengan limpah kurniaNya dapatlah saya menyempurnakan laporan Latihan Industri ini untuk melengkapkan syarat-syarat bagi menamatkan pengajian saya dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu saya sepanjang menjalani Latihan Industri ini. Terutama sekali kepada Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan iaitu Tuan Abdul Rahim bin Tuan Bahru, yang telah sudi menerima saya untuk menjalani Latihan Industri di jabatan ini yang mana ianya bermula pada 04 April 2005 hingga 26 Jun 2005.

Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih kepada seluruh kakitangan Jabatan Belia & Sukan Negeri Kelantan yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan sepanjang saya menjalani Latihan Industri di jabatan ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih saya kepada Dr. Asyraf bin Abdul Rahman iaitu penyelia Latihan Industri saya yang telah banyak membantu serta memberi bimbingan kepada saya selama ini sehingga saya dapat menamatkan Latihan Industri ini. Akhir sekali saya berdoa agar segala apa yang diajar kepada saya selama ini akan dapat saya gunakan sebaik mungkin apabila saya mencebur ke bidang pekerjaan nanti. Insyaallah.

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---------|---|---|
| FPE | - | Fakulti Pengurusan dan Ekonomi |
| JBSNK | - | Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Kelantan |
| KBS | - | Kementerian Belia Dan Sukan |
| PBDSKB | - | Pejabat Belia Dan Sukan Daerah Kota Bharu |
| DBN | - | Dasar Belia Negara |
| KOBENA | - | Koperasi Belia Negara |
| MPBN | - | Majlis Perundingan Belia Negara |
| KUSTEM | - | Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia |
| SPEKS | - | Sistem Perakaunan Standard Kerajaan Negeri |
| SISPENS | - | Sistem Pengurusan Personel Pejabat |
| TEB | - | Tabung Ekonomi Belia |

SENARAI LAMPIRAN

| Lampiran | Tajuk |
|-----------------|--|
| Lampiran 1 | Carta Organisasi Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan |
| Lampiran 2 | Aktiviti yang telah dan akan dijalankan |
| Lampiran 3 | Status Peminjam Tabung Ekonomi Belia |
| Lampiran 4 | Laporan Bayaran Balik Tabung Ekonomi Belia |

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri merupakan salah satu cara atau pendekatan yang disusun oleh pihak universiti kepada para pelajar untuk mendedahkan pelajar terhadap situasi sebenar alam pekerjaan. Oleh yang demikian, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) telah mewajibkan para pelajar dari program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial untuk menjalani Latihan Industri selama dua belas minggu.

Falsafah utama Latihan Industri adalah di mana pelajar berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung dalam sesuatu bidang pekerjaan. Pada masa yang sama, pelajar juga berpeluang untuk mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah agensi. Objektif Latihan industri adalah untuk memberi pengalaman dan kemahiran asas profesi pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing. Secara tidak langsung pelajar dapat mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan. Selain itu, objektif Latihan Industri yang dirangka oleh pihak KUSTEM juga membolehkan pelajar menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduat kelak.

Latihan Industri ini telah dijalankan di Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan. Jabatan Belia Dan Sukan (JBS) Negeri Kelantan merupakan agensi yang berperanan dalam menguruskan program-program yang berkaitan dengan belia dan sukan di Negeri Kelantan Darul Naim. Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan

turut berkembang mengikut pembaharuan yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia Dan Sukan (KBS). Salah satu aspek yang amat ditekankan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan ialah mengenai program-program yang berkaitan dengan golongan belia. Hasil kajian yang dilakukan, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan mempunyai satu sistem yang sempurna dalam membantu menonjolkan bakal pemimpin negara pada masa akan datang.

Dengan wujudnya sistem pentadbiran yang berkesan di Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan ini tidak mustahil pada masa akan datang pemimpin dari Malaysia mampu memimpin dunia tidak kira dalam apa jua organisasi sekalipun. Penilaian keatas kemampuan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan dibincangkan didalam analisis yang telah dibuat. Sehubungan dengan itu, Kemampuan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan dalam aspek perancangan program pembangunan belia haruslah dicontohi kerana setiap aktiviti atau program yang dianjurkan tertumpu kepada belia amnya dan kebajikan masyarakat khususnya. Namun begitu, sebagai sebuah agensi kerajaan, JBSNK juga tidak terlepas daripada menghadapi permasalahan dalam menguruskan organisasinya. Terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi berkaitan dengan organisasi dan masalah di kalangan kakitangan di JBSNK.

Secara keseluruhannya, Latihan Industri ini banyak membantu dalam memberi pendedahan kepada pelajar tentang keadaan sebenar di dalam pengurusan sesebuah organisasi. Pengalaman dan pengetahuan yang telah diperolehi dari Latihan Industri ini sememangnya memberikan gambaran sebenar

situasi alam pekerjaan. Dengan ini, diharap latihan yang seumpama ini akan diteruskan dan diperluaskan skopnya untuk generasi yang akan datang supaya ianya akan lebih lengkap dan mantap lagi untuk mencapai sasarannya.